



MOU ... Dr D Kamarudin (kiri) bertukar dokumen bersama Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM Yusri Yusoff (dua, kanan) selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara UMS dan IBFIM di Bangunan UMS Kolej Antarabangsa Labuan kelmarin.

UMS promosi bidang pendidikan kewangan Islam

NST 28.6.2019 1

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Institut Kewangan dan Perbankan Islam Malaysia (IBFIM) bagi mempromosikan pendidikan kewangan Islam di universiti itu.

Menerusi kerjasama dengan IBFIM, UMS menuju ke arah pembaharuan dan pengstrukturkan semula kurikulum bagi memastikan program dan graduan universiti itu sejajar dengan keperluan dan kehendak industri.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin Mudin berkata kerjasama itu memfokuskan kepada pelaksanaan aktiviti penyelidikan antara fakulti dan IBFIM.

"MoU hari ini merupakan kejayaan besar ke arah kerjasama yang lebih rapat antara kedua-dua pihak dalam mempro-

mosikan pendidikan Kewangan Islam bagi meningkatkan pengajaran yang lebih fokus, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang perbankan Islam," katanya pada majlis menandatangani itu MoU di UMS Kampus Antarabangsa Labuan di sini, kelmarin.

Beliau berkata MoU itu menunjukkan kepentingan graduan yang berpengetahuan dalam perbankan Islam bagi memacu kejayaan industri perbankan menerusi kesetiaan dan asas pelanggan yang lebih baik.

"Modal insan yang berpengalaman adalah penentu utama daya saing dan kemapanan industri Kewangan Islam," katanya sambil menambah ia akan meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran graduan universiti itu.

Beliau berkata UMS berharap kerjasama ini akan mem-

beri kesan positif bukan sahaja untuk kedua-dua institusi mengembangkan pendidikan Kewangan Islam dan penyelidikan, malah membentuk pelajar yang mampu dan berkeupayaan untuk terlibat dalam pembangunan industri perbankan Islam di Malaysia.

"Kerjasama ini mencerminkan kepercayaan dan komitmen bersama ke arah membina tenaga kerja dalam industri kewangan dan perbankan Islam yang ditambah nilai, berpengetahuan dan pintar.

"Melalui MoU dan kerjasama yang dipertingkatkan ini, kami berada dalam landasan ke arah mencapai visi untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah kami terutama dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan," katanya.